

AMALI
[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Tipografi merupakan salah satu elemen komunikasi selain visual atau gambar. Komunikasi visual menjadi lebih berkesan apabila pereka iklan memilih tipografi yang jelas dan mudah dibaca. Seni tipografi berperanan di dalam menyatakan atau meluahkan emosi dan psikologinya secara visual yang boleh dipaparkan di dalam sesuatu pengiklanan.

CLO 3

Sebuah syarikat taman tema air yang terkemuka di Malaysia akan melancarkan satu tema baharu iaitu *Ghost Water Park*. Sebagai pereka grafik syarikat tersebut anda telah ditugaskan untuk menghasilkan cadangan reka bentuk *billboard* menggunakan tipografi kreatif supaya dapat menarik perhatian audiens dan pengunjung. Maklumat mengenai majalah hiburan wanita tersebut adalah seperti berikut:

1. Nama Syarikat: Sunway Lagoon
2. Ringkasan: Tema *Ghost Water Park* dilancarkan untuk memberi pengalaman baharu kepada bakal pengunjung taman tema air. Penggunaan elemen warna, grafik dan tipografi hendaklah selari dengan tema yang menyeramkan.

Cadangan reka bentuk muka *billboard* tersebut hendaklah dihasilkan mengikut kriteria berikut :

1. Saiz artboard/kertas : A3 Lanskap
2. Gunakan Perisian Grafik
3. Mengikut warna yang ditetapkan
4. Elemen visual yang bersesuaian dengan reka bentuk *billboard* perlu dimasukkan sebagai elemen sokongan.

Hasil rekabentuk hendaklah dihantar dalam bentuk *hardcopy*. Kriteria yang perlu dipenuhi bagi penilaian ini ialah :

a. Konsep rekabentuk grafik

- i. Kenalpasti kajian terhadap konsep reka bentuk grafik dengan menggunakan elemen tipografi mengikut kategori pengiklanan.

(10 markah)

b. Reka letak tipografi kreatif dalam reka bentuk iklan

- i. Tunjukkan lima (5) thumbnail yang mengandungi kedudukan font yang terlibat dalam reka bentuk yang dihasilkan.

(10 markah)

- ii. Tunjukkan lakaran semi komprehensif yang merupakan cetusan idea dari thumbnail dalam saiz/skala yang sebenar.

(10 markah)

- iii. Tunjukkan lakaran komprehensif dalam saiz/skala yang sebenar dan menggambarkan mukataip yang telah dikenalpasti bagi setiap reka letak dengan menggunakan elemen-elemen yang sama seperti yang akan dipaparkan pada hasil akhir.

(10 markah)

- iv. Hasilkan semula reka bentuk grafik dengan komposisi tipografi yang memenuhi prinsip reka bentuk simplisiti, dominan, pola, keseimbangan dan harmoni mengikut konsep/tema reka bentuk.

(15 markah)

c. Reka bentuk tipografi dalam reka bentuk iklan

- i. Tunjukkan pemilihan warna tipografi yang memberi penegasan dan tumpuan, visual yang jelas dan kontras yang baik antara latar dengan visual serta memenuhi konsep reka bentuk.

(15 markah)

- ii. Hasilkan reka bentuk tipografi kreatif dengan mengaplikasikan elemen reka bentuk yang memenuhi konsep yang telah ditetapkan.

(15 markah)

d. Hasil akhir

- i. Tunjukkan reka bentuk iklan yang dapat menyampaikan komunikasi visual yang bertepatan konsep/tema.

(10 markah)

- ii. Tunjukkan hasil akhir pada medium yang telah ditetapkan dengan kemas.

(5 markah)

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab